

**CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA  
(PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA)**

*Address: 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*  
*Telephone/ Fax : (603) 7957 1457*  
*Email: [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

**CFM MEDIA STATEMENT  
MERDEKA DAY AND MALAYSIA DAY 2013**

26<sup>th</sup> August 2013

**A NATION FOR ALL**

This year Malaysians celebrate the 56<sup>th</sup> anniversary of Merdeka for Malaya and the 50<sup>th</sup> anniversary since the formation of Malaysia in 1963.

We give thanks to Almighty God for the wisdom and strength He has granted to our national and state leaders over the years and for the relative peace and prosperity we have enjoyed as a nation.

As with our founding fathers of Malaysia we pray and seek the help of Almighty God to assist us as we envision and foster a nation uniting all peoples together; an inclusive nation rather than a divisive one. A nation for ALL.

A journey of 50 years is a small step in the evolution of nations. Yet we can take pride that even as we have faced many difficulties, we have endured as a nation of many people welded together in peace and harmony because of our mutual respect for and harmonious relationship with each other.

However, let us not be presumptuous but together actively work at building a nation under God and continue to seek blessing, peace and goodwill for each other and our communities.

We call on all Malaysians to strengthen our nation upon the twin pillars of truth and justice in order to give everyone hope and a place under the Malaysian sun.

We urge all Malaysians to continue to fashion a legal system that will provide equality and equal protection under the law for all Malaysians.

We call on all peaceful and peace-loving Malaysians to reject those who are racists and religious chauvinists in both their speech and actions. We need to actively resist all who use race and religion to drum up fear and hatred against others for political mileage and advantage.

We ask all Malaysians to continue to show mutual respect, compassion and care for the human rights and dignity of each other and to demonstrate that with the courage to speak up against injustice and extremism of all kinds.

Let us heighten our consciousness of and consideration for those others living around us and treat all peoples with love, honour and respect as we are all children of the living God.

As Christians in Malaysia we continue to pray for the well-being and good of our beloved nation MALAYSIA. We pray that Almighty God will assist us in our nation-building endeavours as we continue to build and to prosper a nation on the basis of truth and justice so that we may live together in unity, peace and harmony.

We pray for our police and armed forces to be vigilant and diligent to ensure the safety and security of our beloved nation.

We continue to pray for the blessings of wisdom and moral courage from Almighty God to be upon our Yang Di-Pertuan Agong, the Rulers, the Prime Minister and members of his Cabinet, the state Mentris Besar and the Chief Ministers and members of their Executive Councils, and all our Members of Parliament and State Assemblypersons, that they may represent the Rakyat with responsibility and integrity, and govern honestly and fairly, seeking always the common good.

Signed

Rev. Dr. Eu Hong Seng  
Chairman

Bishop Emeritus Antony Selvanayagam  
Vice-Chairman

Rev. Datuk Jerry Dusing  
Vice-Chairman

Bishop Philip Lok Oi Peng  
Vice-Chairman

**CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA  
(PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA)**

*Alamat : 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Telephone/ Fax : (603) 7957 1457*

*Email: [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

**PENYATAAN MEDIA CFM  
HARI MERDEKA DAN HARI MALAYSIA 2013**

26hb Ogos 2013

**SATU NEGARA BAGI SEMUA**

Pada tahun ini Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-56 bagi Malaya dan ulang tahun yang ke-50 bagi formasi negara Malaysia sejak tahun 1963.

Kita mengucap syukur kepada Tuhan yang Maha Besar bagi hikmat dan kekuatan yang dikurniakan kepada pemimpin nasional dan negeri sepanjang tahun ini bagi keamanan yang relatif dan kemakmuran yang kita nikmati sebagai satu negara.

Seiring dengan bapa-bapa pengasas Malaysia, doa dan harapan kami ialah supaya Tuhan yang Maha Besar akan membimbing kita dalam memberi visi dan membentuk satu bangsa yang menyatukan semua orang; satu bangsa yang merangkumi semua dan bukan satu negara yang berpecah. Satu negara bagi semua.

Perjalanan selama 50 tahun merupakan satu langkah kecil dalam evolusi sebuah negara. Namun, kita boleh berbangga walaupun berdepan dengan banyak dugaan kita telah harunginya sebagai satu bangsa terdiri dari pelbagai kaum yang bersatu dalam keamanan dan harmoni, disebabkan oleh nilai hormat sesama sendiri dan perhubungan harmoni antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, janganlah kita menjadi angkuh tetapi secara aktif membina negara ini bersama dibawah naungan Tuhan dan terus mencari rahmat, damai dan kebaikan untuk yang lain dan komuniti kita.

Kami menyeru semua rakyat Malaysia untuk mengukuhkan negara kita atas tiang berkembar kebenaran dan keadilan dalam usaha untuk memberi semua harapan dan tempat di atas tanah tercinta Malaysia.

Kami mengesa semua rakyat Malaysia untuk membentuk satu system undang-undang yang akan memberikan kesaksamaan dan perlindungan yang sama rata di bawah undang-undang untuk kesemua rakyat Malaysia.

Kami menyeru semua rakyat Malaysia yang aman dan yang cintakan keamanan untuk menolak mereka yang mempunyai unsur perkauman dan cauvinis agama dalam pertuturan dan tindakan mereka. Kita perlu menentang dengan aktif semua yang menerap ketakutan dan kebencian terhadap orang lain atas dasar bangsa dan agama demi kepentingan dan kelebihan politik tertentu.

Kami meminta semua rakyat Malaysia untuk terus menunjukkan sikap saling hormat menghormati dan menjaga hak-hak asasi manusia dan maruah satu sama lain dan menunjukkan kesemua ini melalui keberanian untuk bersuara menentang ketidakadilan dan semua jenis ekstremisme.

Marilah kita mempertingkatkan kesedaran kita dan pertimbangan kita bagi orang lain yang hidup di sekeliling kita dan melayani semua orang dengan kasih sayang, maruah dan hormat kerana kita semua anak-anak Tuhan.

Sebagai Kristian di Malaysia kita terus berdoa untuk kesejahteraan dan kebaikan negara kita yang tercinta MALAYSIA. Kami berdoa agar Tuhan yang Maha Besar akan membantu dalam usaha pembinaan negara kita yang terus membentuk dan memakmurkan negara atas dasar kebenaran dan keadilan supaya kita boleh hidup bersama-sama dalam perpaduan, damai dan harmoni.

Kita berdoa untuk kesediaan serta kesungguhan polis dan angkatan tentera kita untuk memastikan perlindungan dan keselamatan negara yang kita cintai.

Kita terus berdoa untuk berkat kebijaksanaan dan keberanian moral dari Tuhan kepada Yang Di-Pertuan Agong, Raja-Raja, Perdana Menteri dan ahli-ahli Kabinet beliau, kesemua Menteri Besar negeri dan Ketua Menteri dan juga ahli-ahli Majlis Eksekutif mereka, dan semua Ahli Parlimen kita dan Wakil Rakyat Negeri, bahawa mereka akan mewakili rakyat dengan penuh tanggungjawab dan integriti, kejujuran dan mentadbir dengan adil, sentiasa mengecapi kebaikan bersama.

Ditandatangani oleh

Rev. Dr. Eu Hong Seng  
Pengerusi

Bishop Emeritus Antony Selvanayagam  
Naib-Pengerusi

Rev. Datuk Jerry Dusing  
Naib-Pengerusi

Bishop Philip Lok Oi Peng  
Naib-Pengerusi